

12 MAY 1999

Mahathir-Kerajaan

KERAJAAN ELEKTRONIK CARA BARU KHIDMAT KEPADA RAKYAT -- MAHATHIR

KUALA LUMPUR, May 12 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan elektronik akan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam dan membolehkannya memenuhi pengharapan rakyat dengan cara baru dalam era Teknologi Maklumat (IT).

"Bagi kerajaan ini adalah cara baru untuk melakukan sesuatu, dan anggota perkhidmatan awam diharap akan belajar bagaimana hendak menggunakan peralatan yang kompleks yang sedang diperkenalkan," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis menandatangani kontrak RM35 juta antara kerajaan dan konsortium yang diketuai Sapura bagi pembangunan dan pelaksanaan fasa perintis Pejabat Perdana Menteri-Persekitaran Pejabat Generik di bawah aplikasi perdana kerajaan elektronik.

Beliau berkata upacara hari ini merupakan titik perubahan dalam menjalankan urusan pentadbiran, hasil daripada pembangunan teknologi baru terutamanya IT, dan akan membawa kejayaan kepada Koridor Raya Multimedia (MSC).

MSC merupakan kawasan meliputi 750 km persegi, dari Kuala Lumpur City Centre ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang, yang dikhaskan bagi penyelidikan dan pembangunan perisian dan produk IT.

Dr Mahathir melahirkan harapan agar dengan pelaksanaan projek itu, kerajaan akan dapat menyelesaikan masalah-masalah, termasuk bagaimana membelanjakan peruntukan pembangunannya dengan lebih cekap.

"Pada masa ini, kita menghadapi masalah mempunyai banyak wang tetapi tidak membelanjakannya kerana prosedur yang begitu membosankan sehingga menjelang akhir tahun peruntukan itu tidak dibelanjakan atau sebahagian kecil sahaja daripada peruntukan itu dibelanjakan.

"Sekarang saya harap pemindahan wang daripada Kementerian Kewangan ke kementerian-kementerian lain dan seterusnya untuk membayar kepada kontraktor, subkontraktor dan pihak-pihak lain, akan menjadi jauh lebih pantas.

"Ini kerana apa yang perlu dilakukan nanti hanyalah menekan beberapa butang dan angka-angka itupun akan berpindah sendiri dari satu tempat ke satu tempat."

Dr Mahathir juga berharap anggota konsortium itu akan melibatkan diri mereka dengan lebih cergas lagi dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

Perdana Menteri turut melahirkan perasaan leganya yang projek itu akhirnya akan terlaksana juga selepas "begitu banyak perbincangan dan kekhawatiran tentang pelbagai prosedur dan halangan yang kelihatannya seolah-olah tidak dapat diatasi."

Dr Mahathir berkata beliau gembira mendapati kemajuan telah dibuat dalam pelaksanaan kerajaan elektronik dan ia berlaku pada masa kerajaan hendak berpindah ke pusat pentadbiran baru di Putrajaya.

"Ia merupakan projek yang sangat sofistikated kerana segala-galanya dilakukan secara elektronik dan kita tidak lagi perlu banyak bergerak.

"Memanglah ini mungkin mengakibatkan atrofi (penyusutan organ atau tisu) di kaki kita, dan jari-jari kita juga akan menjadi lebih panjang kerana kita terpaksa menekan segala jenis butang itu dari pagi hingga malam," kata beliau secara berjenaka, disambut gelak ketawa hadirin.

Selain kerajaan elektronik, enam lagi aplikasi perdana MSC ialah sekolah pintar, teleperubatan, pusat pemasaran tanpa sempadan, web perkilangan sedunia, kad pelbagai guna pertama di dunia dan kelompok R&D.

Konsortium itu terdiri daripada Sapura Advance Systems Sdn Bhd,

Microsoft Knowledge Capital Centre Sdn Bhd, Hewlett Packard Sales (Malaysia) Sdn Bhd dan EDS MSC Sdn Bhd.

Dr Mahathir menyaksikan perjanjian itu ditandatangani antara kerajaan yang diwakili oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, dan konsortium itu yang diketuai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sapura Datuk Shahril Tan Sri Shamsuddin.

-- BERNAMA

MAM NMO